



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 4 TAHUN 2009**

**TARIKH PELAKSANAAN eKADASTER
DI SEMUA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia

Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.146 (17)

Tarikh: 31 Disember 2009

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 4 TAHUN 2009**

**TARIKH PELAKSANAAN eKADASTER
DI SEMUA JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan Pekeliling KPUP Bilangan 5 Tahun 2009 bertajuk "**Peraturan Ukur Kadaster 2009**" telah dikeluarkan bertarikh 29 Julai 2009 manakala Pekeliling KPUP Bilangan 6 Tahun 2009 bertajuk "**Garis Panduan Amalan Kerja Ukur Kadaster Dalam Persekitaran eKadaster**" telah dikeluarkan bertarikh 9 Disember 2009.

2. Pada para 6 Pekeliling KPUP Bil. 5 Tahun 2009 dan para 9 Pekeliling KPUP Bil. 6 Tahun 2009 tersebut ada dinyatakan penguatkuasaan penggunaan Pekeliling-pekelling tersebut adalah mulai tarikh ianya dikeluarkan. Walau bagaimanapun, semua ukuran kadaster yang telah dijalankan mengikut peraturan dan garis panduan sebelum ini masih boleh diterima sehingga 31 Disember 2009.

3. Pihak Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) telah mengambil keputusan untuk melaksanakan sepenuhnya eKadaster di semua JUPEM Negeri **mulai 1 Mei 2010** meliputi semua kerja Jabatan dan juga kerja juruukur tanah berlesen (JTB).

4. Mulai sekarang, JTB adalah digalakkan untuk menghantar kerja baru menggunakan eKadaster di 4 buah JUPEM Negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dan juga Melaka.

5. Ekoran dari keputusan ini, perkataan “**31 Disember 2009**” pada para 6 Pekeliling KPUP Bil. 5 Tahun 2009 dan para 9 Pekeliling KPUP Bil. 6 Tahun 2009 hendaklah digantikan dengan perkataan “**30 April 2010**”.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' PROF. DR. ABDUL KADIR BIN TAIB)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia